

**“Talking points” bagi Rang Undang-Undang Perlembagaan  
(Pindaan) 2019 Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua Parlimen  
Keempat Belas (Dewan Rakyat)  
oleh YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]**

Pada 4 haribulan April 2019, pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan telah dikemukakan bagi mendapatkan persetujuan parlimen mengenai kedudukan Sabah dan Sarawak agar kembali kepada semangat Perjanjian Malaysia 1963.

| Perkara  | Kini  | Rang Undang-undang 2019   | Pindaan pada tahun 1963  |
|--|---|---|--|
| 1(2)<br>Nama,<br>Negeri-<br>negeri dan<br>wilayah-<br>wilayah<br>Persekutuan | Negeri-Negeri Persekutuan terdiri daripada Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu. | Negeri-Negeri Persekutuan terdiri daripada—<br><br>(a) Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Pulau Pinang, Perlis, Selangor dan Terengganu; dan | Negeri-Negeri Persekutuan terdiri daripada —<br><br>(a) Negeri-Negeri Tanah Melayu, iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Pulau Pinang, Perlis, Selangor dan Terengganu; |

|  |  |                        |   |
|--|--|------------------------|---|
|  |  | (b) Sabah dan Sarawak; | (b) Negeri-Negeri Borneo, iaitu Sabah dan Sarawak; dan (c) Negeri Singapura.".<br><br>* bahagian (c) telah dipotong dan berkuatkuasa pada 9 Ogos 1965 iaitu tarikh Singapura meninggalkan Malaysia. |
|--|--|------------------------|---|

*Sumber: Perlembagaan Persekutuan*

- 1) mengikut Perkara 1(2) Perlembagaan kini, Sabah dan Sarawak diletakkan bersama-sama dengan negeri-negeri dari Semenanjung. Namun, dalam pindaan 2019 ini negeri-negeri lain serta Sabah dan Sarawak dipisahkan kepada dua fasal iaitu (a) dan (b).
- 2) Dengan melihat daripada pindaan yang dikemukakan pada hari ini, perkataan yang penting seperti "*equal partner*" tiada dalam pindaan ini. Tanpa perkataan penting ini, apabila generasi yang akan datang kemudian dan melihat semula Perlembagaan ini serta interpretasi fasal (b) kedudukan Sabah dan Sarawak masih sama dengan negeri-negeri di Semenanjung.
- 3) Generasi yang sebelum ini atau kita telah menetapkan sejarah dengan melakukan pindaan ke atas bahagian tersebut sehingga

membawa impak kepada Sabah dan Sarawak serta situasi kini. Mengapa kita masih membiarkan sejarah berulang dengan pindaan sedemikian. Sejarah akan mengulangi sekali lagi dan kita yang berada dalam dewan parlimen hari ini juga dihakimi oleh generasi yang akan datang nanti. Bagaimana kita sebagai pemimpin yang bertanggungjawab terutamanya kerajaan Pakatan Harapan (PH) hari ini memperjelaskan keadaan kepada generasi berikutnya.

- 4) Berikutnya, takrifan "*equal partner*" mesti diikuti dengan pemberian kuasa atunomi yang lebih luas. Sebagaimana tuntutan 13 perkara yang telah dibincangkan ketika legasi terdahulu dengan Sabah dan Sarawak sebelum Pilihanraya Umum Ke-14. Daripada 13 perkara tuntutan tersebut, berapa luaskah kuasa autonomi yang disertai dengan pindaan Pelembagaan Perkara 1(2) ini?
- 5) Sebagai contohnya, permintaan mengenai hak royalti minyak dan gas yang dituntut oleh rakan Sabah dan Sarawak. Dengan merujuk kembali kepada hansard parlimen 1 Ogos 2018, Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan 20 peratus royalti minyak yang kembali kepada negeri pengeluar minyak hanya berdasarkan kepada keuntungan dan bukannya pengeluaran kasar minyak. Ketentuan ini jelas bahawa kerajaan PH telah mengecewakan rakyat terutamanya rakyat di Sabah dan Sarawak.
- 6) Kemudian adakah kerajaan PH juga akan memperuntukan semula satu per tiga daripada jumlah 222 kerusi parlimen yang ada pada masa kini kepada Sabah dan Sarawak. Tuntutan ini kerajaan PH perlu memberi satu penjelasan yang "*clear and straight forward*". Ini

kerana peruntukan ini sememangnya pernah berlaku dan telah diubah apabila Singapura meninggalkan Malaysia pada tahun 1965.

7) Kini, jumlah kerusi parlimen yang diperuntukan kepada Sabah dan Sarawak hanya 56 daripada 222. Sebelum tahun 1963, jumlah kerusi parlimen yang diperuntukan ialah 55 daripada 159 kepada Sabah, Sarawak dan Singapura.

| Perkara                                   | Kini   | Pindaan pada tahun 1963   |
|---|--|---|
| <p>46</p> <p>Keanggotaan Dewan Rakyat</p> | <p>(1) Dewan Rakyat hendaklah terdiri daripada dua ratus dua puluh dua orang ahli dipilih.</p> <p>(2) Maka hendaklah ada—</p> <p>(a) dua ratus sembilan orang ahli dari Negeri-negeri di Malaysia seperti yang berikut:</p> <p>i. dua puluh enam orang ahli dari Johor;</p> <p>ii. lima belas orang ahli dari Kedah;</p> | <p>(1) Dewan Rakyat hendaklah terdiri daripada seratus lima puluh sembilan orang ahli dipilih.</p> <p>(2) Maka hendaklah ada—</p> <p>(a) seratus empat orang ahli dari Negeri-Negeri Tanah Melayu:</p> <p>(b) enam belas orang ahli dari Sabah;</p> <p>(c) dua puluh empat orang ahli dari Sarawak:</p> |

- iii. empat belas orang ahli dari Kelantan;
- iv. enam orang ahli dari Melaka;
- v. lapan orang ahli dari Negeri Sembilan;
- vi. empat belas orang ahli dari Pahang;
- vii. tiga belas orang ahli dari Pulau Pinang;
- viii. dua puluh empat orang ahli dari Perak;
- ix. tiga orang ahli dari Perlis;
- x. dua puluh lima orang ahli dari Sabah;
- xi. tiga puluh satu orang ahli dari Sarawak;

(d) lima belas orang ahli dari Singapura.

xii. dua puluh dua orang ahli dari Selangor; dan

xiii. lapan orang ahli dari Terengganu; dan

(b) tiga belas orang ahli dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya seperti yang berikut:

i. sebelas orang ahli dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;

ii. seorang ahli dari Wilayah Persekutuan Labuan;

iii. seorang ahli dari Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Sumber: Perlembagaan Malaysia.

8) Kerajaan PH seharusnya menghormati kerajaan negeri Sabah dan Sarawak terutamanya dalam soal mengenai kuasa dan perundangan yang melibatkan perubahan di Sabah dan Sarawak. Ini amat jelas

termaktub dalam Perkara 76(1)(a) dan 76(2) Pelembagaan bahawa kerajaan Persekutuan atau parlimen bolen mengemukakan pindaan sekiranya di minta oleh Dewan Undangan Negeri Sabah dan Sarawak serta kerajaan PH wajib melaksanakan perbincangan dengan kerajaan negeri Sabah dan Sarawak terlebih dahulu.

9) Dengan itu saya menyokong rakan-rakan Sabah dan Sarawak walaupun saya daripada bahagian Semenanjung agar institusi parlimen dapat melakukan tiga perkara berikut;

- Pertama, menangguhkan rang undang-undang ini kerana “*unconstitutional*” mengikut Pelembagaan.
- Kedua menyokong agar rang undang-undang ini dirujuk kepada jawatankuasa pilihan parlimen yang kini masih sedang dalam mesyuarat dan rundingan untuk mengemukakan cadangan mengenai kuasa autonomi Sabah dan Sarawak. Ini juga menunjukkan kerajaan Persekutuan mempunyai keikhlasan dalam hal ini.
- Ketiga menyeru agar Yang Amat Berhormat Langkawi yang juga pengerusi kepada Jawatankuasa Pemandu Perjanjian Malaysia 1963 mendedahkan laporan interim dan laporan terakhir untuk pengetahuan umum yang sepatutnya dimuktamatkan empat bulan serta enam bulan daripada tarikh mesyuarat 17 Disember 2018.

10) Dengan itu saya mengakhiri perbahasan untuk \_\_\_\_\_  
Rang Undang-Undang Pelembagaan (Pindaan) 2019.